



SOALAN LAZIM MENGENAI PERMOHONAN BAHARU DAN RAYUAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan adalah “DALAM PROSES” atau “DALAM PROSES RAYUAN”?

Status “DALAM PROSES” atau “DALAM PROSES RAYUAN” adalah merujuk kepada permohonan baharu atau rayuan BPN yang telah diterima dan sedang dalam proses semakan bagi menentukan kelayakan.

2. Bilakah kelulusan status permohonan baharu dan rayuan BPN akan dipaparkan?

Status kelulusan permohonan baharu dan rayuan BPN akan dipaparkan di Portal BPN, <https://bpn.hasil.gov.my> mulai 9 Mei 2020.

3. Bilakah tarikh pembayaran bagi permohonan baharu dan rayuan BPN yang telah lulus akan dibuat?

Pembayaran sekali gus akan dibuat seperti berikut:

- i. Kaedah pembayaran secara pengkreditan terus ke akaun bank penerima akan diproses secara berperingkat mulai 15 Mei 2020.
- ii. Sekiranya paparan di Portal BPN menunjukkan Tiada Akaun atau status pengkreditan adalah Gagal Kredit, pembayaran akan dilakukan secara penunaian di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) sahaja. Penunaian boleh dibuat dengan membawa MyKad dan Nombor Siri yang dipaparkan pada Maklumat Pembayaran di Portal BPN, <https://bpn.hasil.gov.my>.

4. Bilakah tarikh akhir penunaian BPN di Kaunter BSN boleh dibuat?

Penerima perlu membuat penunaian di Kaunter BSN selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020.

5. Berdasarkan semakan status permohonan baharu atau rayuan BPN mendapati saya berstatus Tidak Lulus. Apakah yang perlu saya lakukan?

Keputusan yang dipaparkan adalah kekal dan muktamad. Semakan kelulusan dikategorikan sebagai Tidak Lulus berdasarkan beberapa alasan berikut:

Bil.	Alasan Tidak Lulus
1.	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan had umur memohon
2.	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi

	RM8,000
3.	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM4,000
4.	Semakan mendapati pemohon merupakan pelajar
5.	Tidak layak kerana pemohon / pasangan mempunyai syarikat berdasarkan data agensi (SSM). Walau bagaimanapun, pemohon boleh memohon Geran Khas Prihatin (GKP) melalui https://gkp.hasil.gov.my jika berkelayakan.
6.	Status kahwin dengan maklumat yang sama

6. Adakah saya boleh mengemukakan rayuan sekiranya permohonan saya berstatus Tidak Lulus?

Tidak. Kelulusan yang dipaparkan di Portal BPN adalah kekal dan muktamad. Buat masa ini, rayuan ke atas permohonan BPN yang berstatus Tidak Lulus belum diputuskan oleh Kerajaan.

7. Saya tidak berjaya membuat permohonan baharu atau rayuan BPN. Adakah saya masih berpeluang membuat permohonan?

Tarikh permohonan BPN telah berakhir pada 30 April 2020 dan tiada lanjutan tarikh permohonan.

8. Saya telah lulus permohonan baharu, walau bagaimanapun akaun yang didaftarkan adalah tidak aktif. Bagaimanakah status bayaran BPN saya?

Bagi pemohon yang ada melaporkan maklumat akaun bank semasa permohonan baharu atau rayuan BPN, tetapi proses pengkreditan berstatus Gagal Kredit ke akaun tersebut, tarikh penunaian bagi tuntutan bayaran BPN berkenaan akan dimaklumkan kelak.

9. Saya berstatus kahwin yang mempunyai perniagaan pemilikan tunggal atau bekerja sendiri, berapakah amaun BPN yang layak saya terima?

Bagi pemohon berstatus kahwin yang mempunyai perniagaan pemilikan tunggal (bukan syarikat Sendirin Berhad) atau bekerja sendiri, amaun BPN yang layak adalah sebanyak **RM1,000** sahaja.

Pemohon boleh membuat permohonan Geran Khas Prihatin (GKP) melalui Portal GKP, <https://gkp.hasil.gov.my> jika perniagaan pemilikan tunggal berkenaan memenuhi kelayakan.

10. Saya berstatus bujang yang tidak bekerja atau mempunyai perniagaan pemilikan tunggal atau bekerja sendiri, berapakah amaun BPN yang layak saya terima?

Bagi pemohon berstatus bujang yang mempunyai perniagaan pemilikan tunggal (bukan syarikat Sendirin Berhad) atau bekerja sendiri, amaun BPN yang layak adalah sebanyak **RM500** sahaja.

Pemohon boleh membuat permohonan Geran Khas Prihatin (GKP) melalui Portal GKP, <https://gkp.hasil.gov.my> jika perniagaan pemilikan tunggal berkenaan memenuhi kelayakan.